



SOALAN LAZIM (FAQ'S)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN BIL.2

1. Adakah Mesyuarat Agung (AGM/EGM) yang dirancang boleh dilaksanakan di sesebuah skim strata sepanjang tempoh kuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan?

Tidak. Segala mesyuarat hendaklah ditangguhkan.

2. Adakah komuniti strata bebas bergerak dalam kawasan skim strata semasa tempoh penularan Covid-19?

Tidak.

3. Adakah premis perniagaan, institusi pendidikan serta taska di skim strata boleh dibuka dan beroperasi seperti biasa semasa tempoh kuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan?

Tidak.

4. Adakah pejabat pengurusan (Management Office) boleh dibuka semasa tempoh kuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan ini?

Tidak. Urusan pejabat pengurusan hendaklah dilakukan secara dalam talian atau bekerja dari rumah.

5. Adakah Ejen Pengurusan/ Property Manager yang menguruskan skim strata dibenarkan beroperasi?

Boleh. Operasi perlu minimal melibatkan *essential services* dan pengurusan kritikal sahaja seperti jadual berikut:

Perkhidmatan	Komponen Kritikal
Pengurusan Skim Strata/ Pengurusan Harta (Property Management)	<ul style="list-style-type: none"> i. Operasi Pengurusan Kritikal: ii. Bekalan air iii. Bekalan elektrik iv. Perkhidmatan telekomunikasi v. Perkhidmatan pembentungan vi. Perkhidmatan pembersihan dan pengurusan sisa pepejal vii. Perkhidmatan jentera mekanikal dan elektrik (<i>mechanical/electrical machineries</i>) terutamanya lift viii. Perkhidmatan kawalan keselamatan ix. Perkhidmatan perubatan

6. Adakah harta bersama seperti dewan, gym, badminton court, swimming pool boleh disewakan/ digunakan dalam tempoh ini?

Tidak.

7. Adakah pengubahsuaian rumah (renovation) di skim strata dibenarkan dalam tempoh ini?

Tidak.

8. Sekiranya berlaku kerosakan seperti kebocoran paip adakah penyenggaraan boleh dilaksanakan?

Tidak. Tindakan hanya boleh diambil bagi kerosakan yang kritikal dan menjejaskan keselamatan penduduk sahaja dalam tempoh ini.

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
21 MAC 2020**